

Adakah perempuan yang masih di dalam 'iddah boleh dipinang ?

Jawapan :

Perkara ini perlu difahami di dalam dua keadaan :

- i) Diharamkan meminang perempuan yang masih berada di dalam 'iddah raj'i (masih di dalam tempoh boleh dirujuk oleh suaminya) samada peminangan itu secara terang-terangan atau kiasan , kerana perempuan tersebut masih dikategorikan sebagai isteri dan suaminya masih berhak untuk merujuknya kembali.
- ii) Diperbolehkan meminang secara kiasan sahaja (tidak secara terang-terangan) kepada seorang perempuan yang berada di dalam 'iddah kematian suami atau cerai bain (talak tiga atau talak yang tidak boleh dirujuk oleh suami melainkan dengan nikah baru).